



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 13 APRIL 2023

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PERIKSA STATUS HALAL AYAM SEJUK BEKU THAILAND, NASIONAL, BH -18 MUSYKIL STATUS HALAL, LOKAL, HM -20	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3. 4. 5.	TANGGUH HUKUMAN LELAKI PUKUL, BAKAR ANJING, LOKAL, HM -19 PEMUDA MENGAKU SALAH BAKAR ANJING, NEGARA, KOSMO -9 PEMUDA MENGAKU BERSALAH PUKUL, BAKAR ANJING BETINA, MAHKAMAH, SH -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	113,000 BENIH IKAN DILEPASKAN TAMBAH SUMBER MAKANAN NEGARA, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9.	FAMA DIARAH SELESAIKAN ISU BEKALAN AYAM TIDAK CUKUP DI BEBERAPA TEMPAT, ASTRO AWANI -ONLINE MAT SABU ORDERS FAMA TO ADDRESS CHICKEN SUPPLY SHORTAGE IMMEDIATELY, NATION, CHINA PRESS -A4 FAMA TO DEAL WITH CHICKEN SHORTAGE AT CERTAIN AREA, NATION, SIN CHEW DAILY -6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10. 11. 12.	TANAH PERTANIAN BOLEH DITUKAR SYARAT KEGUNAAN, NASIONAL, HARAKAH -H8 JUAL LORI BUAT MODAL TANAM CENDAWAN, DALAM NEGERI, UM -31 HARGA DEDAK NAIK TUJUH KALI GANDA, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Periksa status halal ayam sejuk beku Thailand

Johor Bahru: Peniaga dan pelanggan yang menggunakan keratan ayam sejuk beku yang diimport dari Thailand meminta pihak berkuasa memeriksa dan mengesahkan semula status halal produk berkenaan.

Isu berkaitan timbul kemudiannya mengenai status halal keratan ayam diimport susulan laporan berita rampasan keratan ayam sejuk beku dari Thailand oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berikutan maklumat siji halal tidak jelas yang berlaku di Pulau Pinang, 4 April lalu.

Peniaga ayam segar dan pen-

gedar keratan ayam sejuk beku import, Hafizul Mohamad, 41, berkata laporan berita itu yang tular di media sosial itu menyebabkan pelanggan terutama peniaga makanan Islam menuntut penjelasan sama ada produk yang digunakan dan dibeli mereka terjamin status halalnya.

Katanya, isu kes kartel daging menggunakan logo halal palsu sebelum ini menyebabkan peniaga dan pengguna Islam masih trauma, apatah lagi laporan berita mengenai rampasan keratan ayam di Pulau Pinang itu menyebabkan pelanggan mulai mengambil sikap berjaga-jaga.

"Pelanggan memabatkan

pengusaha makanan Islam kini mulai bimbang dan risau apabila laporan berita rampasan keratan ayam import Thailand dilaporkan dan tular. Oleh itu, diharapkan pihak berkuasa dapat mengesahkan semula status halal keratan ayam sejuk beku import dari Thailand.

"Mereka menuntut penjelasan dan jaminan status halal produk itu kerana bimbang pelanggan akan memboikot be-ban, apatah lagi pengguna tahu kebanyakan peniaga menggunakan keratan ayam import Thailand yang lebih murah.

"Peniaga ayam seperti saya

mengimport kira-kira 6,000 kilogram keratan ayam Thailand se-bulan untuk dibekalkan kepada peniaga dan pengguna di Johor Bahru.

"Antara produksinya membabitkan keratan ayam sejuk beku bahagian peha, kepek, dada ayam, ayam tanpa tulang yang dibungkus dalam bungkusan dua kilogram (kg) setiap bahu-gian dengan harga antara RM9 hingga RM15 setiap pek," katanya ketika ditemui.

Pada 4 April lalu, MAQIS Pulau Pinang dilaporkan menyita 25 tan dada ayam sejuk beku dari Thailand ketika mengadakan operasi di pintu masuk Pangka-

lan Kontena Butterworth Utara (NBCT).

Pengarah MAQIS negeri, Muhammad Ikram Abd Talib, berkata sitaan dibuat selepas pemeriksaan mendapati dada ayam sejuk beku itu tidak mematuhi syarat permit import ditetapkan.

Katanya, siasatan lanjut turut mendapati pengimportan konsainan seberat 25,000 kg itu tidak menyatakan maklumat siji halal dengan jelas.

Sebelum ini, pada 2 Disember 2021 lalu, media melaporkan mengenai kewujudan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina.

13/4/2023

HARIAN

LOKAL

20

METRO

Musykil status halal

Peniaga, pelanggan keratan ayam sejuk beku dari Thailand tuntutan pihak berkuasa beri pengesahan semula produk import

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Peniaga dan pelanggan yang menggunakan keratan ayam sejuk beku diimport dari Thailand meminta pihak berkuasa memeriksa serta mengesahkan semula status halal produk berkenaan.

Isa berikutan timbul ke-musykilan mengenai status halal keratan ayam diimport susulan laporan berita rampasan keratan ayam sejuk beku dari Thailand oleh Jabatan Perkhidmatan Quarantine dan Pemeriksaan Malaysia (Mardis) berikutan maklumat siji halal tidak jelas yang berlaku di Pulau Pinang, 4 April lalu.

Peniaga ayam segar dan pengedar keratan ayam sejuk beku import Hafizul Mohamad, 41, berkata, laporan berita itu tular di media sosial menyebabkan pelanggan terutama peniaga makanan Islam menuntut penjelasan sama ada produk digunakan dan dibeli mereka terjamin status halalnya.

"Pelanggan membabitkan pengusaha makanan Islam bimbang apabila laporan berita rampasan keratan ayam import Thailand dilaporkan dan tular.

"Mereka menuntut penjelasan dan jaminan status halal produk itu kerana bimbang pelanggan memboikot apatah lagi pengurusan tular keratan ayam import Thailand lebih murah. "Peniaga ayam seperti



HAFIZUL menunjukkan keratan ayam sejuk beku diimport dari Thailand untuk dijual di sebuah pasar di Johor Bahru. - Gambar NSP/NUK ASYAH MAZLAN

aya sejuk beku dari Thailand tular, ramai peniaga termasuk saya resah. Ini kerana pelanggan menuntut penjelasan status produk itu.

"Mereka tidak mahu isu kartel daging yang menjejaskan keyakinan mereka berbilang, sekali gus enggan membeli makanan dijual. Ini tentu menjejaskan peniaga," katanya.

Pada 4 April lalu, Maqis Pulau Pinang dilaporkan menyita 25 tan dada ayam sejuk beku dari Thailand ketika mengadakan operasi di pintu masuk Pengkalan Kontena Butterworth Utara.

Pengarah Maqis negeri Muhaamad Ikram Abd Talib dilaporkan berkata, siasatan dibuat selepas pemeriksaan mendapati dada ayam sejuk beku itu tidak mematuhi syarat permit import ditetapkan. Katanya, siasatan mengenai pengimportan kon-

saiman-seberat 25,000kg itu tidak menyatakan maklumat siji halal dengan jelas.

Sebelum ini, pada 2 Disember 2021, media melaporkan mengenai kewujudan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina.

Kartel berkenaan dilaporkan membungkus semula daging itu menggunakan logo halal sebelum menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia sebelum ia terbongkar hasil serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, di sini.

Kegiatan itu dipercayai dijalankan sejak beberapa tahun lalu dengan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi membuat label dan cap palsu yang dijual pada kotak daging dibungkus semula sebelum dijual di pasaran tempatan sebagai daging halal.

13/4/2023

HARIAN METRO

LOKAL

19



YAP

Tanggung hukuman lelaki pukul, bakar anjing

Johor Bahru: Seorang lelaki yang didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana menyebabkan kesakitan tidak sepatutnya terhadap seekor anjing akhir Mac lalu, mengaku bersalah atas pertuduhan itu.

Braden Yap Hong Sheng, 19, mengaku bersalah sejujur pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Bagaimanapun hukuman

terhadap Yap ditangguhkan berikutan penguam mewakilinya GK Sritharan tidak dapat hadir kerana berada di Filipina.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki berkenaan didakwa dengan kejahannya menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya ke atas seekor anjing betina berwarna coklat di hadapan sebuah premis di Jalan Impian Emas 22, Taman Impian Emas, Skudai, di sini, jam 1.49 pagi, 27

Mac lalu.

Pendakwa mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 29(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda hingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, jam 12.30 tengah hari, 28 Mac lalu, doktor veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar

(JPV) Negeri Johor menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas seekor anjing dan mendapati haiwan itu berada dalam keadaan ketakutan serta ada kesan lebam dan terbakar di paha kiri, luka pada kaki hadapan dan pendarahan di bahagian mata sebelah kiri.

Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) menunjukkan seorang lelaki memukul dan membakar anjing berkenaan.

Pendakwa dijalankan Pegawai Pendakwa JPV Negeri Johor Mohd Zamri Shak@Ishak dan mahkamah menetapkan 18 April ini untuk fakta dan hukuman.

Sebelum ini, Pemangku Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara Superintendan Fariz Ammar Abdullah mengesahkan menerima laporan mengenai seorang lelaki dipercayai memukul serta membakar seekor anjing liar hidup-hidup.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2023	KOSMO	NEGARA	9

Pemuda mengaku salah bakar anjing

JOHOR BAHRU – Seorang pemuda mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan memukul dan membakar seekor anjing betina bulan lalu.

Braden Yap Hong Sheng, 19, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Braden selaku orang kena saman (OKS) didakwa melakukan perbuatan itu pada pukul 1.49 pagi di Jalan Impian Emas 22, Taman Impian Emas, Skudai di sini pada 27 Mac lalu mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Ia memperuntukkan hukuman denda sehingga RM100,000

atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 18 April ini untuk menetapkan hukuman selepas mendengar hujahan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, Mohd. Zamri Shak @ Ishak dan peguam bela, P. Rajakunaseelan.

13/4/2023

MAHKAMAH

14

SINAR
HARIAN

Pemuda mengaku bersalah pukul, bakar anjing betina

JOHOR BAHRU- Seorang pemuda mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas tuduhan menyebabkan kesakitan ke atas seekor anjing betina, pada bulan lalu.

Braden Yap Hong Seng, 19, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan hakim, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut kertas pertuduhan, lelaki itu dengan zalimnya telah menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya kepada seekor anjing betina berwarna perang.

Perbuatan itu dilakukan pada jam 1.49 pagi di sebuah premis di Jalan Impian Emas, 22, Taman Impian Emas, Skudai di sini, 27 Mac lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29 (1) akta sama.

Hukuman bagi seksyen itu memperuntukkan hukuman denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau keduanya sekali jika sabit kesalahan.



Braden Yap Hong Seng (tengah) mengaku salah tuduhan menyebabkan kesakitan ke atas seekor anjing betina di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

Berdasarkan fakta kes, rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi kejadian menunjukkan OKS telah memukul dan membakar seekor anjing berwarna perang di premis tersebut.

Susulan aduan awam, doktor veterinar telah menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas seekor anjing.

Hasil pemeriksaan mendapati anjing itu berada dalam keadaan ketakutan selain kesan lebam dan terbakar di bahagian paha kiri, luka pada kaki hadapan dan pendarahan di bahagian mata sebelah kiri.

Mahkamah kemudian menetapkan 18 April ini untuk sebutan fakta dan hukuman terhadap Hong Seng.

113,000 benih ikan dilepaskan, tambah sumber makanan negara

SEGAMAT - Sebanyak 113,000 benih ikan air tawar bernilai RM200,000 dilepaskan ke sungai-sungai di negeri ini dalam usaha meningkatkan kelestarian stok perikanan nelayan darat.

Pengerusi Jawatankuasa Perikanan, Industri Asas Tani Dan Kemajuan Luar Bandar, Zahari Sarip berkata, tujuan pelepasan benih ini juga adalah bagi memastikan sumber protein negara terus terjamin.

"Tahun lalu, kita telah me-

lepaskan sebanyak 600,000 ekor benih ikan air tawar di negeri ini melibatkan spesies baung, lam-pam sungai, tengas, kelah, ketam nipah dan udang galah.

"Ini merupakan program tahunan Jabatan Perikanan bagi memastikan kelestarian stok perikanan untuk nelayan darat.

"Keterjaminan sumber makanan menjadi fokus utama negara sejak kebelakangan ini.

"Melalui program ini, ia mam-pu memberi limpahan kepada

nelayan darat dengan nilai tangkapan sehingga RM300,000 selepas enam bulan," katanya ketika ditemui dalam Program Pelepasan Benih Ikan di Kampung Spang Loi, Buloh Kasap di sini kelmarin.

Antara benih yang dilepaskan adalah ikan baung bernilai RM100,000, ikan sebarau bernilai RM7,000, ikan kelah bernilai RM45,000 serta ikan tengas sebanyak 8,000 benih bernilai RM48,000.



ZAHARI (dua dari kanan) melepaskan pelbagai benih ikan bernilai RM200,000 sebagai simbolik perasmian Program Pelepasan Benih Ikan di Kampung Spang Loi, Buloh Kasap, Segamat kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/4/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

FAMA diarah selesaikan isu bekalan ayam tidak cukup di beberapa tempat



FAMA diminta untuk segera menyelesaikan isu kekurangan bekalan ayam di beberapa tempat bagi memastikan persiapan Aidilfitri tidak terjejas. -Gambar fail/Pexels

PUTRAJAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diminta untuk segera menyelesaikan isu kekurangan bekalan ayam di beberapa tempat bagi memastikan persiapan

Aidilfitri tidak terjejas, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Ditemui pemberita selepas Program Agihan Bubur Lambuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di sini hari ini, Mohamad berkata FAMA akan melihat dan mencuba mencari jalan untuk menampung kekurangan bekalan itu.

"Setakat ini saya tidak menerima laporan berapa tempat yang mengalami kekurangan bekalan ayam.

"Kekurangan sementara bekalan di sesuatu tempat menjelang musim perayaan kadang-kadang berlaku, tapi kementerian memberi jaminan bekalan makanan adalah mencukupi terutama bagi lapan komoditi utama iaitu telur, ayam, daging, ikan, sayur, buah, beras dan susu segar," katanya.

Terdahulu, sebuah media melaporkan peniaga di Pasar Besar Klang kluatir bekalan ayam tidak mencukupi seminggu sebelum Aidilfitri di sebalik permintaan tinggi daripada pengguna.

Seorang peniaga berkata beliau telah menempah 100 ekor ayam daripada pembekal tetapi hanya menerima 80 ekor ayam.

Media tersebut melaporkan masalah bekalan ayam dijangka melanda utara tanah air menjelang Syawal ini ekoran isu kekurangan anak ayam yang dialami penternak terutama di Kedah.

Sementara itu, Presiden Kelab Tani KPKM Datuk Badrul Hisham Mohd berkata sempena program hari ini, sebanyak 2,000 pek bubur lambuk diagihkan kepada warga kerja Wisma Tani, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar di sini.

"Ini tahun kelima penganjuran program agihan bubur lambuk dan kita meneruskan tradisi memasak bubur sebanyak lima kawah untuk diagihkan," katanya.

-- BERNAMA

Headline	Mat Sabu orders FAMA to address chicken supply shortage immediately		
MediaTitle	China Press		
Date	13 Apr 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	65 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,282
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,846



末沙布指示農業銷售局 速解決肉雞供應短缺

(布城12日讯) 农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，他已指示联邦农业销售局(FAMA)尽快解决数个地区的肉鸡供应短缺课题，以确保开斋节的准备不受影响。

他是於今日在部门的派粥活动後对记者说，联邦农业销售局将研究并设法找到弥补供应不足的方法。

“目前为止，我还没有收到多少地方有肉鸡供应不足的报告。

“在过节前，部分地方有时会出现临时供应短缺，但农业部将会确保粮食供应充足，尤其是蛋、鸡、肉、鱼、菜、果、米、和新鲜牛奶。”

媒体早前报导，随著需求量增加，巴生大巴刹业者担心开斋节前一周鸡肉供应不足。

Headline	FAMA to deal with chicken shortage at certain area		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	13 Apr 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	62 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,119



農長：特定地區肉雞短缺 吁農銷局尋策處理

（布城12日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布今日指示联邦农业销售局（FAMA），在开斋佳节前，积极着手处理特定地区出现肉鸡短缺的问题。

他今日在部门出席什锦粥派发活动后对媒体说，联邦农业销售局须寻找对策，解决肉鸡供应短缺的问题，避免进一步影响开斋节的货源供应。

他说，他暂时还没收到任何有关肉鸡短缺的投报或报告，所以不清楚多少个地区出现肉鸡短缺的问题。

他不否认，佳节以前一些地方或会发生肉鸡货源短缺的情况；然而，农业部保证，8大主要必需品如鸡蛋、肉鸡牛肉、鱼类、蔬果、米粮和鲜奶皆供应充足。

Tanah pertanian boleh ditukar syarat kegunaan

SETU: Tanah pertanian boleh dimohon untuk ditukar syarat kegunaan kepada tanah bangunan atau rumah kediaman.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Pembangunan Desa, Dr Azman Ibrahim berkata, tidak ada peraturan yang menyatakan tidak boleh ditukar.

Menurut beliau, pertambahan penduduk menyebabkan keperluan kepada perumahan baru dan pembangunan adalah difahami.

"Tapi dalam masa yang sama tanah pertanian mesti dipelihara kerana ini adalah jelang makanan negara.

"Hilang tanah pertanian bermakna peruk nasi kita semakin kemek.

"Kita perlukan kediaman sebagai keperluan asas kehidupan, dalam masa yang sama kita juga perlu makan. 'Food security' antara tanggungjawab utama kerajaan," katanya.

DUN Jabi itu berkata, setiap kali ada permohonan menukar syarat pangsapuri dan ulasan jabatan berkenaan akan diminta sama ada menyokong atau menolak permohonan tersebut.

Diantaranya kata beliau, Pejabat Tanah Daerah, Pejabat Pertanian, Majlis Daerah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa serta Pejabat Tanah dan Galian Negeri.

Beliau berkata, akhirnya mesyuarat Exco akan membuat keputusan akhir sama ada lulus atau tidak permohonan tersebut.

Menurut beliau antara pertimbangan ialah, ke-



Dr Azman Ibrahim

rajaan akan menujuk kepada Rancangan Tempatan Daerah (RTD) yang telah menentukan kawasan tersebut dizonkan sebagai zon pertanian, zon perumahan kediaman, zon permia-gaan, zon kawasan industri, zon kawasan badan air, zon kawasan lapang atau lain-lain zon.

"Soal kewujudan kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan elektrik dan air juga diambil kira.

"Kita memberi perhatian serius untuk mengekalkan kawasan yang masih digunakan sebagai zon pertanian aktif dan kawasan jelapang padi JADA KETARA untuk kekal sebagai zon pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian disebabkan sering timbul dilema bagi mereka yang terlibat dalam bidang pemaju perumahan atau jual tanah lot apabila buat kerja tidak mengikut aturan sepatutnya.

Katanya, mereka siap tambun dahulu tanah pertanian dan ada kes yang sudah mengambil duit dari pembeli tanah lot dan selepas itu baru hendak memohon pertukaran syarat.

18/4/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Jual lori buat modal tanam cendawan

KOTA TINGGI: Sepasang suami isteri di Felda Lok Heng Timur di sini, sanggup menjual lori pasir mereka untuk dijadikan sebagai modal mengusahakan tanaman cendawan.

Siti Aishah Hasim, 30, berka-ta, berbekalkan wang RM50,000 yang diperoleh hasil menjual lori tersebut, dia dan suaminya, Muhammad Ridzuan Ahmad, 33, kini meraih pendapatan kasar RM14,000 sebulan.

Katanya, idea mengusahakan tanaman itu tercetus selepas mendapati sayur berkenaan sukar diperoleh selain kurangnya pengusaha cendawan di daerah ini.

“Awalnya saya hanya kerja di kedai runcit keluarga dan tercetusnya idea untuk usahakan cendawan ini pada 2017 sebab tidak ramai pada ketika itu yang usahakan cendawan serta di kedai-kedai juga susah hendak jumpa cendawan.

“Saya kemudian ambil kur-



SITI Aishah Hasim dan Muhammad Ridzuan memetik cendawan yang diusahakan mereka di Felda Lok Heng Timur, Kota Tinggi, Johor.

sus buat bongkah dan nekad jual cendawan yang segar, pe-tik terus jual kepada pelanggan dan alhamdulillah sekarang jadi pernah hantar kepada pem-

bekal untuk dibawa masuk ke Singapura, iaitu setiap hari per-lukan 60 kilogram cendawan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Ibu kepada dua anak itu berkata, rumah cendawan yang dibangunkan di tanah kosong milik rancangan Felda itu boleh memuatkan 30,000 bongkah yang dilakukan di rumah de-ngan dibantu suaminya serta seorang pekerja.

Sebelum memperoleh ban-tuan peralatan daripada Jabatan Pertanian dan Felda, dia ber-sama suami terpaksa memproses bongkah cendawan secara ma-nual selama dua tahun.

“Memang agak kerja keras juga semasa buat secara ma-nual itu pengeluaran juga tidak banyak hanya dapat buat 4,000 bongkah sahaja sebulan, na-mun selepas dapat bantuan peralatan, kami dapat tingkat-kan menjadi 8,000 bongkah se-bulan,” katanya.

Penternak terpaksa keluarkan belanja tinggi untuk besarkan seekor lembu

Harga dedak naik tujuh kali ganda

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN - Persatuan Penternak Lembu dan Kambing Negeri Johor (PPLKNJ) mendakwa kenaikan harga makanan yang berlalu sehingga tujuh kali ganda menjadi punca berlakunya kenaikan harga daging lembu segar.

Presidennya, Abd. Samad Samiran berkata, kenaikan harga makanan lembu masih gagal diatasi oleh kerajaan walaupun beberapa syor dan cadangan telah dibuat bagi menyelesaikan isu tersebut.

Katanya, harga dedak yang meningkat naik beberapa kali sejak tahun lalu memberikan tekanan kepada penternak yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi bagi seekor lembu.

Menurut beliau, selain dedak, penternak juga mengambil makanan tambahan bagi ternakan mereka seperti tahi minyak kelapa sawit, jerami dan kacang soya yang turut meningkat pada ketika ini.



ABD. SAMAD bersama ternakan lembunya di Kampung Parit Pak Khalib, Pekan Nanas di Pontian semalam.

pengguna iaitu daging juga tinggi," katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai harga daging lembu segar bagi musim perayaan ini yang tersebar di media sosial yang bermula dengan RM38 sekilogram sehingga RM46 sekilogram bagi daging batang pinang.

Bagaimanapun, jelasnya, penternak kecil tidak akan menjual daging segar di musim perayaan ini sebaliknya menumpukan kepada program ibadah korban yang lebih memberikan keuntungan kepada mereka.

"Manakala penternak besar perlu menjualnya pada musim perayaan ini bagi mendapatkan pusingan modal untuk memampung kos makan ternakan mereka," ujar Abd Samad.

Ditanya pihak persatuan mempunyai cadangan bagi mengeluarkan satu harga siling daging segar kepada ahli-ahlinya, dia berkata, ia belum dapat dilaksanakan ketika ini.

"Kami diibaratkan seperti ditelan mati emak, diluahkan bapaknya, kerana isu makanan ternakan lembu dan juga kambing

tidak menampakkan penurunan sebaliknya naik pada setiap tahun. "Penternak perlu terus mem-

berikan ternakan mereka makanan tetapi harga makanan nanti kesannya tentu harga produk akhir kepada